

PENGURUSAN MASA MENURUT ISLAM

Definisi masa

- Pengertian masa dari segi bahasa
 - waktu, zaman, saat dan detik.
- Dari segi istilah
 - waktu atau zaman yang dilalui oleh individu yang menjalankan kehidupan.

Definisi Pengurusan masa

- suatu ilmu yang berkaitan dengan teknik dan cara seseorang itu mengurus, membahagi dan mengatur masa sehariannya supaya dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Kepentingan masa

- Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:
"Tidak akan berganjak kedua kaki seorang hamba pada hari kiamat melainkan ditanya dahulu tentang empat perkara, tentang umurnya dan untuk apa dihabiskan, masa mudanya bagaimana ia mempergunakanya, hartanya dari mana ia memperolehinya dan untuk apa ia membelanjakannya dan tentang ilmunya bagaimana ia memanfaatkannya".

Keuntungan masa

- "Pada suatu hari para sahabat lalu dihadapan Rasulullah s.a.w. maka baginda bersabda kepada mereka: " Tahukah kamu apa yang difirmankan oleh tuhan kamu?. Mereka menjawab: Allah dan Rasul yang lebih mengetahui". Rasulullah s.a.w. mengulangi pertanyaan tersebut sebanyak tiga kali.... Allah s.w.t. berfirman kepadaku yang bermaksud:

"Demi kebesaran dan kemuliaanku, tiada sembahyang seseorang tetap pada waktunya melainkan aku memasukkannya ke dalam syurga. Dan barangsiapa bersembahyang di luar waktu, maka jika aku kehendaki, aku menghormatinya dan jika aku kehendaki, aku mengazabnya".

- Riwayat al-Tabrani -

Kepeentingan masa

- Rasulullah s.a.w. amat menggalakkan umatnya mengisi masa lapang dengan memperbanyakkan amal kebajikan untuk meningkatkan kesedaran dan keimanan kepada Allah s.w.t. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Wahai anak Adam, carilah kelapangan untuk beribadat kepadaku, nescaya aku akan penuh dadamu dengan kekayaan jiwa dan aku tutupi segala kekuranganmu, tetapi jika engkau tidak kerjakan sesuatu diwaktu yang terluang itu, nescaya aku penuh diwaktu-waktu itu dengan bermacam-macam pekerjaan dan aku tidak akan tutupi apa-apa jua kekuranganmu".

-Riwayat At-Tarmizi Ibnu Majah -

Maksud hadis ini menjelaskan bahawa manusia yang tidak menggunakan masa untuk mengerjakan amal soleh, nescaya hidupnya sering merasa kekurangan dan dibelenggu kemiskinan jiwa.

Kepeentingan masa

- Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara, usia mudamu sebelum tua, masa sihatmu sebelum sakit, masa senangmu sebelum papa, masa hidupmu sebelum mati dan masa lapangmu sebelum sibuk".

Kebaikan dari pengurusan masa yang baik

- Seseorang yang dapat mengurus masanya dengan bijak akan mencerminkan wibawa keperibadiannya yang mulia.
- Ia juga membawa kesan keatas segala urusan duniawi dan uhrawi. Dalam aspek jasmani sebagai contoh, jika peruntukan waktu tidur kita adalah selama lapan jam, tetapi kita menonton television sehingga larut malam, kesannya kita akan mengalami kelesuan pada esok harinya, dengan itu akan menjejaskan prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan kita.
- Begitu juga dalam aspek ibadat, dimana solat pada awal waktu amat digalakkan. Melewat-lewatkan solat tanpa alasan yang munasabah akan menjejaskan kualiti solat kita bahkan amat dimurkai oleh Allah s.w.t.
- Ini ditegaskan dalam satu peristiwa yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud dengan berkata:

"Pada suatu hari para sahabat lalu dihadapan Rasulullah s.a.w. maka baginda bersabda kepada mereka:" Tahukah kamu apa yang difirmankan oleh tuhan kamu?. Mereka menjawab: Allah dan Rasul yang lebih mengetahui". Rasulullah s.a.w. mengulangi pertanyaan tersebut sebanyak tiga kali... Allah s.w.t. berfirman kepadaku yang bermaksud:

Faktor-Faktor Pengurusan masa.

- Sebelum dapat mengurus masa dengan bijak, terdapat beberapa perkara atau faktor yang boleh menyebabkan seseorang kehilangan masa dengan cara tidak berfaedah. Misalnya:
 - keluarga
 - rakan-rakan
 - aktiviti yang tidak berfaedah
 - pengaruh media massa
 - sikap

Beberapa faktor penting dalam menentukan pola penyusunan waktu ialah:

- Mengetahui kepentingan waktu.
- Menyadari setiap detik berlalu ada perhitungannya di hadapan Allah.
- Memahami ibadah tidak terbatas kepada hanya solat dan ibadah ritual sejenisnya.
- Keseimbangan antara kegiatan yang bersifat ruh, akal dan jasad iaitu dengan tidak melupakan bahawa akal, jasad dan ruh memerlukan makanan masing-masing.
- Tidak melupakan faktor kemampuan, tenaga yang dimiliki dalam mengoptimumkan waktu.
- Tidak memungkiri janji.

Setiap individu muslim hendaklah memperuntukan masa seperti berikut :

- Beribadat kepada Allah
 - sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain
- Bekerja
 - mengikut bidang pekerjaan masing-masing dan tidak bercanggah dengan syariat Islam.
- Masa untuk menambahkan intelektual
 - melalui pembelajaran formal atau tidak, pembacaan, pendengaran, pembincangan, menghadiri majlis ilmu.
- Berkeluarga
 - capai kebahagiaan bergantung kepada kebijaksanaan menguruskan masa
- Bermasyarakat dan bersosial
 - gotong-royong, bersukan, kerja amal dan sebagainya.
- Rehat
 - -memulihkan tenaga dan fikiran bagi meneruskan kehidupan.

Kesimpulan

- Masa adalah amanah
- Disiplin sangat penting di dalam pengurusan masa yang baik .

Seorang penyair Arab al-Syarif al-Murtadha berkata: "Kita mengagumi setiap hari yang berlalu, sedang hari yang berlalu itu sebenarnya makin menyusutkan umur kita."

Ulama mengatakan waktu adalah sebahagian daripada perubatan. Sejauh mana keampuhan ubat itu, bergantung kepada bagaimana seseorang dapat memanfaatkannya.